

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

17. Syer/Saham Milik Kerajaan Negeri:

- (a) Perincikan maklumat jumlah syer/saham yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri yang tersenarai dan tidak tersenarai dalam Bursa Saham.
- (b) Sepanjang PKP COVID-19, adakah Kerajaan Negeri mengalami kesusutan saham dan apakah tindakan yang diambil untuk menangani permasalahan ini?
- (c) Apakah perancangan lanjut untuk menyelamatkan kedudukan saham tersebut?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

17. (a) Kesemua pegangan saham oleh Kerajaan Negeri adalah tersenarai di Bursa Malaysia. Saham-saham tersebut adalah seperti berikut dan perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A:**

- (i) Petronas Dagangan Bhd;
- (ii) Tenaga Nasional Bhd;
- (iii) Telekom Malaysia Bhd;

- (iv) Axiata Group Bhd;
- (v) Malaysia Airport Holdings Bhd;
- (vi) PBA Holdings Bhd;
- (vii) Maxis Bhd; dan
- (viii) Astro Malaysia Holdings Bhd.

Saham-saham yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri adalah dibeli melalui tawaran langganan terbitan awal (IPO) dengan harga saham pada ketika itu ditetapkan oleh syarikat yang membuat penyenaaran di Bursa Malaysia. Nilai terkini saham yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri pada 31 Mac 2020 adalah sebanyak RM 290,501,300.80.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah turut terkesan dengan gelombang COVID-19 yang melanda pada tahun ini. Di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 sejak 18 Mac yang lalu, keadaan pasaran saham Malaysia secara menyeluruh adalah menyusut, malahan pasaran saham global turut terjejas.

Harga saham-saham milik Kerajaan Negeri didapati semakin menyusut nilai iaitu RM377,889,501.12 pada 31 Disember 2019 dan menyusut kepada RM290,501,300.80 pada 31 Mac 2020. Walau bagaimanapun, jumlah harga pasaran saham-saham semasa COVID-19 masih tinggi berbanding dengan jumlah harga kos iaitu RM237,296,073.19 dan berdasarkan pandangan penganalisa saham, Kerajaan Negeri wajar mengekalkan saham-saham tersebut, memandangkan harga pasaran pada masa ini adalah rendah. Walaupun terdapat penyusutan, jumlah harga pasaran saham milik Kerajaan Negeri masih tinggi berbanding jumlah harga kos. Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih menerima pulangan dividen daripada kesemua saham tersebut kerana saham-saham pegangan Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada institusi-institusi yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mampu menangani keadaan pasaran saham yang tidak menentu untuk masa yang panjang.

- (c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan untuk tidak melakukan apa-apa transaksi kerana keadaan pasaran ekonomi yang tidak menentu bukan sahaja memberi impak kepada negara tetapi secara global. Kerajaan Negeri akan bertindak untuk mengenalpasti saham-saham milik Kerajaan Negeri yang masih belum pulih untuk dijual supaya kerugian dapat diminimumkan.

**PERBANDINGAN KEDUDUKAN SAHAM TERSIAR HARGA
PADA 31 DISEMBER 2019 BERBANDING 31 MAC 2020**

| | | BUTIRAN SAHAM-SAHAM | | | SEBELUM COVID-19 | SEMASA COVID-19 | PERBANDINGAN JUMLAH HARGA PASARAN (RM) (D-C) |
|---------------------------|------|-----------------------------------|------------------------------|------------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|--|
| | KOD | SAHAM | KUANTITI SAHAM (UNIT) (A) | JUMLAH KOS (RM) (B) | JUMLAH PASARAN 31/12/2019 (RM) (C) | JUMLAH PASARAN 31/03/2020 (RM) (D) | |
| 1 | 5681 | PETRONAS DAGANGAN BHD | 2,000,000.00 | 2,800,000.00 | 46,200,000.00 | 42,320,000.00 | (3,880,000.00) |
| 2 | 5347 | TENAGA NASIONAL BHD | 2,500,000.00 | 9,000,000.00 | 33,150,000.00 | 30,050,000.00 | (3,100,000.00) |
| | | TENAGA NASIONAL BHD (BONUS ISSUE) | 475,000.00 | 0.00 | 6,298,500.00 | 5,709,500.00 | (589,000.00) |
| 3 | 4863 | TELEKOM MALAYSIA BHD | 1,900,000.00 | 7,150,000.00 | 7,258,000.00 | 7,125,000.00 | (133,000.00) |
| 4 | 6888 | AXIATA BHD (TMI*) | 1,950,000.00 | 0.00 | 8,073,000.00 | 6,396,000.00 | (1,677,000.00) |
| 5 | 5014 | MALAYSIA AIRPORT BHD | 4,950,000.00 | 12,500,000.00 | 37,620,000.00 | 21,384,000.00 | (16,236,000.00) |
| 6 | 5014 | MALAYSIA AIRPORT BHD | 990,000.00 | 4,732,200.00 | 7,524,000.00 | 4,276,800.00 | (3,247,200.00) |
| 7 | 5041 | PBA HOLDING BHD | 182,050,001.00 | 172,833,873.19 | 203,896,001.12 | 145,640,000.80 | (58,256,000.32) |
| 8 | 6012 | MAXIS BHD | 5,000,000.00 | 25,250,000.00 | 26,600,000.00 | 26,750,000.00 | 150,000.00 |
| 9 | 6399 | ASTRO BHD | 1,000,000.00 | 3,030,000.00 | 1,270,000.00 | 850,000.00 | (420,000.00) |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 202,815,001.00 | 237,296,073.19 | 377,889,501.12 | 290,501,300.80 | (87,388,200.32) |

